Beliau yang berasal dari Masjid Tanah, Melaka ini mengakui tidak mudah baginya untuk menyelesaikan pengajian apatah lagi mempunyai komitmen yang tinggi membela enam orang anaknya yang masih kecil hasil perkahwinan dengan Fauzi Rejab.

"Bayangkan anak-anak saya ketika itu yang paling sulung dalam darjah empat sehinggalah yang bongsu ketika itu baru enam bulan semasa saya memulakan pengajian.

"Sudah tentu semuanya memerlukan perhatian yang lebih daripada saya sebagai ibu," ujar Dr Siti Hadijah.

Katanya beliau mula mengulangkaji pelajaran selewat jam 11 malam sehingga 5 pagi. Cabaran juga semakin hebat ketika melahirkan cahayamata bongsu kerana terpaksa dibedah buat pertama kali serta melalui proses berpantang di awal tempoh pengajian.

Kejayaan tersebut juga menjadi semakin manis apabila beliau yang sudah pun mempunyai lima orang anak lelaki, dikurniakan satu-satunya anak perempuan pada masa tersebut.

"Namun saya sangat bersyukur dan berterima kasih yang tidak terhingga kepada suami yang begitu memahami dan sentiasa mendorong akan kejayaan saya," katanya lagi.

Dr Siti Hadijah juga sangat berterima kasih kepada penyelia tesisnya, Dr Roslan A. Hakim, Dekan CAS iaitu Dr Jamal serta rakan taulan tempat meluahkan segala masalah seperti Dr Salamah, Profesor Madya Dr Nora, dan Dr Zafarullah.

Beliau juga berkata hadiah wang insentif tersebut begitu bermakna serta ianya adalah titik permulaan untuk terus berjaya dan menyumbang jasa kepada UUM dengan memohon geran FRGS serta LEEDS, seiring dengan UUM yang ingin mencapai sebagai Universiti Penyelidikan menjelang tahun 2013.

"Kita perlu ada sasaran dan momentum juga harus berterusan. Usaha bukan hanya setakat ini, namun terus giat melakar kejayaan dalam bidang yang diceburi," kata Dr Siti Hadijah.

Sementara itu, penerima surat kelulusan cuti belajar untuk mengikuti pengajian PhD/ Sarjana terdiri daripada Arifatul Husna Mohd Ariff yang melanjutkan pengajian di *Victoria University of Wellington, New Zealand* dan Yusramizza Md. Isa @Yusuff yang bakal ke *University of Canterbury, New Zealand*.

Manakala Rohaiza Zakaria, Salina Ismail, Muhammad Shakirin Shaari, Siti Azura Bahadin, Nor Hisham Haron dan Mohd Amir Mat Samsudin @ Mohd Sham mengikuti pengajian PhD di UUM.

Yusramizza ketika ditemui berkata, beliau dalam dilemma sama ada hendak mengikuti pengajiannya di New Zealand atau menukar universiti di negara lain, memandangkan gempa bumi yang melanda negara tersebut baru-baru ini.

Beliau berkata, jika mengikut jadual, pengajian bermula pada 7 Februari 2011 namun terpaksa ditunda akibat bencana alam yang berlaku di Christchurch itu. Namun